



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

# KENYATAAN MEDIA

## TAWARAN RUMAH PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KEPADA 35 KELUARGA YANG TELAH MENDAPAT PAMPASAN RM73 RIBU YANG MENOLAK CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA RUMAH PANGSA EMPAT TINGKAT KAMPUNG KERINCHI

**PUTRAJAYA, 7 Mac 2012** – Rumah pangsa empat (4) tingkat di Kampung Kerinchi ini mula dibangunkan pada tahun 1970 dan telah diduduki mulai 1974. Rumah pangsa ini terdiri daripada dua jenis rumah iaitu:

- i) rumah yang mempunyai satu (1) bilik dengan satu (1) bilik air
- ii) rumah yang tiada bilik dengan satu (1) bilik air.

Rumah-rumah tersebut adalah kurang sesuai untuk diduduki kerana ruangnya yang sempit dan kebanyakan keluarga yang tinggal di sini mempunyai bilangan isi rumah yang ramai. Di samping itu, keadaan rumah yang telah berusia lebih 30 tahun pula adalah usang serta mempunyai persekitaran yang tidak kondusif.

Dalam usaha memberikan peluang dan mengelakkan tanggapan negatif kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), pemilihan syarikat pemaju yang bakal memajukan semula kawasan tersebut telah diadakan dengan menggunakan kaedah pengundian ke atas empat (4) syarikat yang berminat. Sesi pengundian ini diatur oleh KWPKB pada 28 Mac 2010. Semasa proses undian tersebut, seramai 369 (81%) pemilik daripada 456 unit rumah pangsa empat (4) tingkat ini telah hadir dan memilih Syarikat Suez Domain Sdn. Bhd. sebagai pemaju bagi projek pembangunan semula Rumah Pangsa Empat Tingkat Kampung Kerinchi.

Sehubungan dengan itu, pihak pemaju dengan kerjasama KWPKB telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memaklumi, menerang, merunding dan

membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan projek pembangunan semula ini kepada semua pemilik rumah berdasarkan *valuable* pakej yang telah dipersetujui semasa sesi undian tersebut dibuat. Namun, seramai **35 (7.6%) pemilik unit** daripada 456 keseluruhan pemilik unit tidak bersetuju dengan cadangan pembangunan semula ini. Terdapat beberapa tuntutan yang dikemukakan oleh mereka yang didapati tidak munasabah dan tidak dipersetujui oleh pihak pemaju. Oleh itu, beberapa sesi perundingan telah diadakan bermula dari 27 Mac 2010 hingga 31 Ogos 2011 untuk mendapatkan jalan penyelesaian dan persetujuan kedua-dua belah pihak. Tetapi perkara ini tidak dapat diselesaikan sehingga dibawa ke mahkamah untuk diputuskan.

Keputusan Mahkamah bertarikh 19 Januari 2012 memutuskan bahawa pemilik yang tidak bersetuju dengan cadangan pembangunan semula ini perlu dibayar pampasan sebanyak **RM73,000.00** bagi setiap unit. Pembayaran pampasan tersebut telah dibuat oleh pihak pemaju kepada 35 pemilik unit tersebut pada 27/01/2012 dan pemilik-pemilik terlibat perlu mengosongkan kediaman mereka empat belas hari (14) dari tarikh notis pengosongan rumah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, sesetengah dari mereka tidak mempunyai rumah dan sukar untuk mendapatkan rumah untuk didiami walaupun setelah wang pampasan tersebut diperolehi.

Sehubungan dengan itu, atas dasar keprihatinan pihak kerajaan terhadap 35 keluarga ini, pihak KWPKB telah memanggil mereka untuk berbincang supaya dapat membantu dalam menangani masalah tersebut pada **5 Mac 2012**. Walaubagaimanapun mereka tidak menghadirkan diri dalam sesi perbincangan tersebut bagi membolehkan KWPKB menyelesaikan permasalahan mereka berhubung dengan keperluan kediaman.

Sungguhpun begitu, pihak KWPKB memutuskan untuk menawarkan **kemudahan penyewaan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah kelolaan DBKL** dengan mengikut syarat-syarat seperti yang dikenakan kepada para penyewa PPR yang lain. Dalam hal ini, mereka ditawarkan oleh pihak DBKL kemudahan untuk menyewa rumah di PPR Muhibah, Bukit Jalil kepada semua 35 keluarga yang terlibat. Ini membuktikan bahawa KWPKB amat prihatin dan mengambil tindakan yang wajar dan saksama dalam usaha membantu mereka untuk mendapatkan kediaman yang kondusif dan meningkatkan persekitaran kualiti kehidupan yang lebih baik dan selesa.

**DATO' HAJI AHMAD PESAL BIN TALIB**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

**8 Mac 2012**

## LAMPIRAN

### Senarai Tuntutan 35 Keluarga:

- i. Memerlukan lebih daripada satu (1) unit rumah gantian.
- ii. Membina unit-unit kedai bagi kegunaan mereka.
- iii. Jumlah tawaran beli semula dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM250,000.00.
- iv. Jaminan daripada pihak Kerajaan bahawa pemaju akan menyempurnakan pelaksanaan projek.
- v. Jaminan daripada pihak Kerajaan bahawa setelah siap, nilai unit harta tanah mereka akan bernilai sekurang-kurangnya RM250,000.00.
- vi. Jaminan daripada pihak Kerajaan bahawa sekiranya projek lewat jadual, pemilik unit tidak perlu pindah daripada kediaman transit dan sewa rumah ditanggung oleh pemaju sepenuhnya serta bayaran pampasan lewat siap yang dijanjikan oleh pemaju.
- vii. Menuntut ganti rugi sehingga RM600,000.00 (tuntutan dibuat semasa sesi Pembicaraan dan Penyiasatan Pengambilan Tanah pada 17 – 19 Januari 2012).